



PERTANDINGAN PERKONGSIAN ULASAN BUKU

MAKLUMAT PENGULAS

Nama peserta : Nor Izyaty Binti Daud

Jabatan / Bahagian : Audit Dalam, QMS & Integriti / Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

MAKLUMAT BUKU

Tajuk buku : Predator's Gold

Tempat terbitan : London

Penerbit : Scholastic

Jumlah muka surat : 342

Tahun terbitan : 2015

Sasaran umur pembaca : 13 tahun keatas

Komen fizikal : Pada pendapat saya, saiz buku ini bersesuaian. Ia tidak terlalu tebal, mudah untuk dibawa kemana sahaja. Namun begitu, grafik yang digunakan untuk ilustrasi adalah sedikit berbeza dengan buku-buku yang berada di pasaran sekarang. Sungguhpun begitu, saya berpegang dengan prinsip jangan menilai sesbuah buku dari luaran.

Positif : Antara nilai positif yang dapat diungkai dari buku ini ialah kita perlu sentiasa berbuat baik kerana kita tidak tahu jika suatu hari nanti kita perlukan pertolongan dari orang lain.

Negatif : Unsur negatif yang dapat disimpulkan dari buku ini adalah jangan hidup di dalam penipuan kerana ia kelak akan memakan diri.

Kelebihan : Buku ini membawa saya ke tahap imaginasi yang berbeza, di mana pembaca perlu membayangkan bagaimana keadaan yang digambarkan oleh penulis pada masa hadapan.

Luahan rasa : Saya berpendapat bahawa buku ini tidak sarat dengan emosi. Ia boleh dibaca ketika santai kerana mudah difahami.

Ulasan : Tom dan Hester bertemu dengan pengembara dan pengarang Nimrod Pennyroyal di Airhaven. Pennyroyal berjaya memujuk mereka untuk membawanya sebagai penumpang di Jenny Haniver setelah dia menceritakan kisah-kisah mereka dalam perjalanan ke Amerika Utara yang mula menjadi gurun radioaktif sejak Perang Enam Puluh Minit. Mereka dikejar oleh pesawat Green Storm, sebuah kumpulan fanatik Liga Anti-Traksi, yang ingin mendapatkan Jenny Haniver. Ini adalah kerana mereka percaya Jenny Haniver dicuri oleh Tom dan Hester, dari pemimpin dan rakan mereka yang telah meninggal dunia iaitu Anna Fang. Ketika itu, Jenny Haniver mengalami masalah dan terbang jauh ke Ice Waste.

Mereka diselamatkan oleh Anchorage: dahulunya sebuah Traction City yang berkembang pesat sebagai sebuah bandar pedagang, tetapi usang akibat fari senjata biologi yang digali dan telah membunuh ramai penduduk. Mereka yang selamat telah berhijrah ke Amerika Utara kerana mereka percaya ia akan menjadi tempat perlindungan bagi mereka. Bandar ini diperintah oleh Margravine muda Freya Rasmussen, yang menyambut ketiga-tiga mereka sebagai tetamu kehormat, dengan Pennyroyal dilantik sebagai pemandu arah ke Amerika. Ini adalah kerana beliau berpengalaman melakukan perjalanan ke sana sebelum ini.

Tom dan Hester mula membaiki semula Jenny Haniver. Hester cemburu dengan Tom yang semakin rapat dengan Freya, dan terganggu oleh penampakan "hantu" di kota itu. Tanpa sengaja, Hester terlihat Tom bersama Freya, lalu terbang bersendirian menggunakan Jenny Haniver keluar dari kota itu dengan perasaan cemburu. Hester kemudian mengambil keputusan untuk menjual arah perjalanan Anchorage kepada Piotr Masgard, pemimpin "Huntsmen" dari Traction City of Arkangel. Arkangel berhajat untuk menjajah kota itu melalui serangan udara. Hester meminta jaminan walaupun sekiranya Arkangel berjaya menguasai Anchorage, Tom akan berada dalam keadaan selamat. Namun begitu, ketika dia kembali ke Jenny Haniver, Hester telah diculik oleh seorang ahli Green Storm.

Hester dibawa ke Rogue's Roost, sebuah pulau di selatan Greenland, di mana Green Storm telah mengubah jasad Anna Fang menjadi Stalker. Komander Sathya, dengan penuh harapan dapat mengembalikan memori Fang dengan memperkenalkannya kepada Hester, namun Fang yang dibangkitkan tidak dapat mengenali Hester mahupun dirinya sendiri.

Seketika di Anchorage, akibat daripada tabiat minum minuman keras dan tekanan memandu arah ke Amerika, Pennyroyal secara tidak sengaja mengaku bahawa dia tidak pernah pergi ke Amerika. Dia turut mengaku bahawa dia menulis seluruh bukunya hanya berdasarkan peta penjelajah lama di perpustakaan Reykjavík. "Hantu" yang dilihat di sekitar Anchorage didapati adalah seorang pencuri, beroperasi dari kapal selam parasit yang menghinggap di bawah lantai kota dan menggelarkan diri mereka sebagai Lost Boys. Setelah rahsia meteka terbongkar, mereka menculik Tom dan meninggalkan kota. Tom mula menjalinkan persahabatan dengan salah seorang ahli Lost Boys, Caul, yang mengatakan bahawa kota Grimsby ini diperintah oleh "Uncle": seorang lelaki yang menjadikannya sebagai pusat pangkalan pencuri.

Ketika mereka tiba di Grimsby, Tom dibawa menghadap Uncle, yang memberitahunya ada sesuatu yang berharga di Rogue's Roost dan mahukan Tom mencuri untuknya. Sebagai balasan, Tom berpeluang menyelamatkan Hester. Ketika di Rogue's Roost, Tom menaiki tangga ke tebing berbatu untuk menyelinap masuk ke pangkalan, namun ditangkap dan disatukan kembali dengan Hester. Menyedari bahawa niat sebenar Uncle hanyalah mahukan Tom untuk mati bagi mencuri perhatian, Caul melancarkan bom yang telah dipasang sebelum itu bagi melumpuhkan operasi itu dan menyelamatkan Tom dan Hester. Ketika mereka sedang di dalam kebingungan, Lost Boys berjaya menuju ke ruang di mana Stalker Fang ditempatkan. Stalker dengan mudah membunuh Lost Boys, dengan hanya beberapa yang sempat mlarikan diri dengan Caul berjaya ditahan.

Stalker Fang mengejar Tom dan Hester ke hangar pulau di mana Jenny Haniver ditempatkan, namun hanya membiarkan mereka mlarikan diri tatkala dirinya mengenali Tom, dan kemudian mengambil alih pasukan Green Storm dari Sathya.

Di Grimsby, setelah dipukul dengan teruk kerana pengkhianatannya, Caul dibiaran mati dengan digantung oleh Uncle. Uncle mendedahkan bahawa dia mengenali Anna Fang ketika dia masih muda. Fang adalah hamba di Arkangel, tetapi Uncle mula mencintainya dan membebaskannya. Fang mengkhianatinya dengan membina pesawat dan mlarikan diri dari penghambaan. Setelah Uncle dipersalahkan dan dibuang oleh keluarganya, dia membina Grimsby dan berazam untuk memastikan bahawa tiada siapa yang dapat menyimpan rahsia darinya lagi. Uncle mahu menculik Fang dari Rogue's Roost untuk memprogramkannya semula untuk menjadi kuncunya. Caul diselamatkan oleh seorang Lost Boy bernama Gargle, yang ingin membala budi. Gargle memberikan peta Reykjavik kepada Caul yang dimiliki oleh Uncle selama ini, dan menghantarnya kembali ke Anchorage dengan kapal selam.

Arkangel mengejar Anchorage sehingga bertembung ke arah Huntsmen lalu membiarkannya tidak berdaya untuk bergerak di atas ais untuk dimakan. Disaat itu, Tom dan Hester kembali ke kota, di mana Pennyroyal telah berjaya meloloskan diri dari ditangkap. Hester meminta Tom untuk bersembunyi, dan kemudian membebaskan penduduk Anchorage yang ditangkap dan membunuh Masgard dan Hunstmen. Tom terserempak dengan Pennyroyal, yang tahu bahawa Hester menjual Anchorage kepada Masgard, tetapi tidak memberitahu Tom. Dalam usaha menakutkan Tom, Pennyroyal secara tidak sengaja menembak Tom di dada. Dia kemudiannya mencuri Jenny Haniver dengan wang Anchorage yang dicuri, dan mlarikan diri. Arkangel masih mengejar Anchorage, namun terperangkap di atas ais tipis dan menyebabkan Anchorage terapung di lautan di atas kepingan besar ais.

Setelah menyedari bahawa Pennyroyal adalah penipu, penduduk Anchorage telah hilang harapan dan keselamatan kota mereka, sehingga Caul tiba dengan peta Reykjavik, dan meyakinkan mereka untuk meneruskan perjalanan. Sementara itu, Pennyroyal mlarikan diri ke Hunting Ground, dan segera menerbitkan sebuah buku yang menceritakan perjalanan Anchorage ke barat. Arkangel dikosongkan dan akhirnya tenggelam ke dasar lautan. Di Asia, Green Storm di bawah pimpinan baharu Stalker Fang, mengalahkn Liga Anti-Traksi. Anchorage akhirnya berjaya sampai ke Amerika Utara. Tom berjaya pulih dari kecederaanya namun masih sangat lemah. Hester merasa lega kerana mengetahui bahawa kota ini akan menjadi rahsia dan aman di tanah baharu ini.

Gambar Buku :

